

FTA khusus Korea Selatan-Malaysia

Muhyiddin setuju cadangan perkukuh hubungan dagang dua hala

SEOUL: Korea Selatan mencadangkan supaya Malaysia mengadakan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) khusus dengan negara berkenaan, kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, cadangan itu diusulkan Perdana Menteri Korea Selatan, Kim Hwang-sik sebagai langkah meningkat dan memperkuatkan hubungan dagangan dua hala.

"Walaupun Korea Selatan mempunyai banyak hubungan dalam bidang dagangan pelaburan menerusi FTA Asean, mereka berpendapat FTA antara Malaysia dan Korea lebih baik."

"Ia juga membolehkan Korea Selatan menokok tambah apa-apa saja kemudahan,

baik dari segi cukai pasaran, akses kepada pasaran kerana Malaysia mempunyai potensi yang besar untuk republik itu," kata beliau.

Muhyiddin berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri Korea Selatan dan pertemuan bersama 18 ketua industri negara itu sempena lawatan kerja dua hari ke Korea Selatan.

Menurut beliau, secara dasarnya beliau bersetuju dengan cadangan itu dan ia akan diputuskan bulan depan.

Pada masa ini, Korea Selatan tidak mempunyai FTA yang spesifik dengan Malaysia kecuali FTA bersama kumpulan Asean yang merangkumi negara anggota pertubuhan itu.

Timbalan Perdana Menteri

berkata Korea Selatan melihat Malaysia sebagai sebuah negara berpotensi untuk memperluaskan pasaran bukan saja secara dua hala tetapi untuk pasaran negara ketiga sama ada dalam ASEAN atau di sekitar rantau Asia Tenggara.

"Mereka (Korea Selatan) melihat Malaysia mempunyai potensi yang besar dengan keadaan ekonomi yang stabil dan dasar ekonomi terbuka."

"Malah mereka juga buat perbandingan dengan China yang kos meningkat secara mendadak sedangkan di Malaysia pula, kos agak stabil dan ia menjadi daya tarikan kepada pelabur dari negara itu," katanya.

Muhyiddin berkata, hasil pertemuan dengan pemilik syarikat terkemuka negara

itu, sebanyak RM3 bilion pelaburan baru bakal dibawa masuk bagi tempoh beberapa tahun akan datang.

Selain itu, katanya, Kum-pulan Hana juga merancang membuat pelaburan besar dalam sektor perkhidmatan perbankan dan insurans yang dijangka diputuskan tidak lama lagi.

"Dalam satu pertemuan sa-ya dengan ketua industri Ko-re, hampir semua mereka sudah melabur dan mena-takan untuk menambah pe-laburan di Malaysia."

"Contohnya, syarikat Kis-wire iaitu syarikat pengeluar wayar tembaga terbesar yang akan membuat pelaburan baru bernilai RM1.8 bilion dalam tempoh beberapa ta-hun akan datang," katanya.

- Bernama